

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Jumaat, 3 Disember 2021



KENYATAAN MEDIA
BAGI PERANGKAAN PERKAHWINAN DAN PERCERAIAN, MALAYSIA,
2021

**BILANGAN PERKAHWINAN TERUS MENURUN DAN RAMAI WANITA UMUR
LEBIH MUDA BERKAHWIN PADA TAHUN 2020**

PUTRAJAYA, 3 DISEMBER 2021 – Jabatan Perangkaan Malaysia telah mengeluarkan laporan **Perangkaan Perkahwinan dan Perceraian, Malaysia, 2021** yang membentangkan statistik perkahwinan dan perceraian bagi tahun 2019 & 2020 mengikut ciri-ciri demografi di peringkat nasional, negeri dan daerah pentadbiran. Statistik ini merupakan input penting kepada perancangan dasar sosial bagi mengukuhkan institusi kekeluargaan di Malaysia. Statistik ini juga berguna sebagai sumber rujukan kepada penyelidik dan akademik.

Mengulas terhadap laporan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, "Bilangan perkahwinan yang direkodkan pada 2020 adalah 184,589, menurun 9.4 peratus daripada 203,661 pada 2019. Umur penengah pengantin perempuan menurun daripada 27.0 tahun (2019) kepada 26.0 tahun (2020). Manakala umur penengah bagi pengantin lelaki kekal pada umur 28.0 tahun. Penurunan bilangan perkahwinan ini disumbangkan oleh penurunan 1.8 peratus bilangan perkahwinan Orang Islam pada 2020 (145,202) berbanding 2019 (147,847). Tiga negeri yang menunjukkan penurunan tertinggi perkahwinan Orang Islam iaitu Sabah (-19.3%) diikuti W.P. Labuan (-14.3%) dan Selangor (-5.9%). Sebaliknya, tiga negeri menunjukkan peningkatan perkahwinan iaitu W.P. Putrajaya (14.0%) diikuti Perlis (12.4%) dan Kedah (8.4%). Bilangan perkahwinan Orang Bukan Islam pula merekodkan penurunan pada kadar yang lebih besar iaitu 29.4 peratus daripada

55,814 (2019) kepada 39,387 (2020). Tiga negeri yang menunjukkan penurunan tertinggi perkahwinan Orang Bukan Islam iaitu Johor (-38.4%), Sabah (-36.9%) dan Pahang (-36.3%).

Laporan ini turut membentangkan keseluruhan kadar perkahwinan am bagi pengantin lelaki menurun daripada 50.1 kepada 45.6 bagi setiap seribu penduduk lelaki berumur 18 tahun dan lebih yang belum berkahwin. Trend yang sama juga bagi pengantin perempuan yang merekodkan penurunan daripada 46.2 kepada 41.7 bagi setiap seribu penduduk perempuan berumur 16 tahun dan lebih yang belum berkahwin. Selari dengan penurunan keseluruhan bilangan perkahwinan, kadar perkahwinan am bagi pengantin lelaki Islam juga menurun daripada 60.3 kepada 59.6 bagi setiap seribu penduduk lelaki Islam berumur 18 tahun dan lebih yang belum berkahwin. Kadar perkahwinan bagi pengantin perempuan Islam turut mencatatkan penurunan daripada 54.9 kepada 53.8 bagi setiap seribu penduduk perempuan Islam berumur 16 tahun dan lebih yang belum berkahwin. Bagi Orang Bukan Islam, kadar perkahwinan am bagi pengantin lelaki Bukan Islam menurun daripada 34.5 kepada 24.5 bagi setiap seribu penduduk lelaki Bukan Islam berumur 18 tahun dan lebih yang belum berkahwin. Trend yang sama juga berlaku kepada pengantin perempuan Bukan Islam, menurun daripada 32.4 kepada 22.8 bagi setiap seribu penduduk perempuan Bukan Islam berumur 16 tahun dan lebih yang belum berkahwin. Trend penurunan kadar perkahwinan di Malaysia ini adalah selari dengan negara lain seperti *Australia, Singapore, Japan, Kuwait, Palestine* dan *Turkey*.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut mengulas, "Pada tahun 2020, hampir lapan peratus daripada jumlah perkahwinan adalah perkahwinan di antara pengantin lelaki dan perempuan yang berbeza kumpulan etnik. Namun, bilangan perkahwinan antara etnik menurun 35.6 peratus, iaitu daripada 22,103 (2019) kepada 14,231. Perkahwinan antara etnik bagi Orang Islam adalah 71.2 peratus dan Orang Bukan Islam 28.8 peratus.

Beliau menambah, perkahwinan tertinggi adalah pada kumpulan umur 25-29 tahun bagi kedua-dua pengantin lelaki dan perempuan. Statistik juga menunjukkan umur pengantin lelaki dan pengantin perempuan paling tua direkodkan pada tahun 2020 adalah berumur 92 dan 84 tahun. Sementara itu, 0.4 peratus pengantin lelaki berumur 65 tahun dan ke atas telah mengahwini pengantin perempuan yang lebih muda dalam

kumpulan umur 24 tahun dan ke bawah. Manakala, 0.4 peratus pengantin perempuan berumur 65 tahun dan ke atas telah berkahwin dengan pengantin lelaki dalam kumpulan umur 24 tahun dan ke bawah”.

Daerah Petaling mencatatkan bilangan perkahwinan tertinggi bagi Orang Islam dan Orang Bukan Islam pada 2020. Bilangan perkahwinan Orang Islam di Petaling adalah 6,515 diikuti Johor Bahru (6,215) dan Ulu Langat (4,750). Bagi Orang Bukan Islam, Daerah Petaling mencatatkan bilangan perkahwinan iaitu 2,831 diikuti Johor Bahru (2,233) dan Klang (1,801).

Pandemik COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh Kerajaan telah memberi kesan kepada statistik perkahwinan di Malaysia. Semasa PKP, prosedur kebenaran melaksanakan akad nikah adalah tertakluk kepada syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Statistik juga menunjukkan semasa pelaksanaan PKP, bilangan perkahwinan menurun dengan ketara sebanyak 88.0 peratus pada bulan April 2020 daripada 14,056 (2019) kepada 1,694 (April, 2020). Ini dapat dilihat semasa peringkat permulaan pelaksanaan PKP oleh Kerajaan pada bulan Mac sehingga Mei 2020, didapati tidak ada aktiviti akad nikah dilaporkan pada tempoh tersebut. Walau bagaimanapun, selepas tamat PKP didapati kelonggaran itu diberikan secara berperingkat semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut berkata, "Bilangan perceraian menurun 19.2 peratus daripada 56,624 (2019) kepada 45,754 (2020). Penurunan bilangan perceraian ini disumbangkan oleh penurunan 16.8 peratus bilangan perceraian Orang Islam pada 2020 (37,853) berbanding 2019 (45,502). Tiga negeri yang mencatatkan penurunan tertinggi bilangan perceraian Orang Islam iaitu Sabah (-38.9%), W.P. Putrajaya (-31.3%) dan W.P. Kuala Lumpur (-24.5%). Perceraian Orang Bukan Islam turut menurun 29.0 peratus daripada 11,122 (2019) kepada 7,901 (2020). Tiga negeri yang mencatatkan penurunan tertinggi bilangan perceraian Orang Bukan Islam iaitu W.P. Labuan (-71.4%) diikuti Kedah (-42.6%) dan Melaka (-42.3%). Perceraian tertinggi adalah pada kumpulan umur 30-34 tahun bagi kedua-dua pengantin lelaki dan perempuan.

Selari dengan penurunan bilangan perceraian, kadar perceraian am menunjukkan penurunan bagi lelaki daripada 7.2 kepada 5.8 bagi setiap seribu penduduk lelaki berumur 18 tahun dan lebih yang berkahwin. Trend yang sama juga direkodkan bagi perempuan, menurun daripada 7.7 kepada 6.1 bagi setiap seribu penduduk perempuan berumur 16 tahun dan lebih yang berkahwin. Kadar perceraian am menurun bagi lelaki Islam daripada 10.0 kepada 8.3 bagi setiap seribu penduduk lelaki Islam berumur 18 tahun dan lebih yang berkahwin. Kadar perceraian bagi perempuan Islam turut mencatatkan penurunan daripada 10.5 kepada 8.7 bagi setiap seribu penduduk perempuan Islam berumur 16 tahun dan lebih yang berkahwin. Kadar perceraian am bagi lelaki Bukan Islam menurun daripada 3.3 kepada 2.3 bagi setiap seribu penduduk lelaki Bukan Islam berumur 18 tahun dan lebih yang berkahwin. Kadar perceraian am bagi perempuan Bukan Islam menurun daripada 3.6 kepada 2.6 bagi setiap seribu penduduk perempuan Bukan Islam berumur 16 tahun dan lebih yang berkahwin. Trend penurunan perceraian di Malaysia ini juga adalah selari dengan negara lain seperti *Singapore, Japan, Kuwait, Palestine* dan *Turkey*.

Laporan ini juga membentangkan artikel mengenai senario perkahwinan lewat di Malaysia berdasarkan data Banci Penduduk. Penduduk kini mula berkahwin pada umur lewat 20-an berbanding pada umur awal 20-an pada tahun 1980-an. Berdasarkan penemuan Banci Penduduk pada tahun 1980, 2000 dan 2010, umur purata perkahwinan perempuan meningkat daripada 19.4 kepada 25.1 tahun dan kemudian meningkat kepada 25.8 tahun pada 2010. Umur purata perkahwinan perempuan menunjukkan peningkatan daripada 27.5 tahun (2016) kepada 28.1 pada 2020. Menurut Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN, 2018), penangguhan perkahwinan secara langsung akan memendekkan tempoh reproduktif dan menyebabkan kadar kesuburan semakin menurun. Penurunan kesuburan berkait rapat dengan peningkatan kos sara hidup yang semakin tinggi dan cabaran yang bakal dihadapi oleh ibu bapa muda, lantas membuatkan mereka menangguhkan hasrat menamatkan zaman bujang. Peningkatan umur purata pengantin ini juga berkait rapat dengan purata umur ibu pada kelahiran hidup pertama yang mana menunjukkan sedikit peningkatan kepada 28.0 tahun berbanding 27.9 tahun pada 2019.

Senario semasa menunjukkan bahawa kecenderungan perkahwinan lewat adalah di kalangan mereka yang berpendidikan tinggi dan penduduk yang bekerja. Mereka

berusaha mengukuhkan kedudukan kewangan, terutamanya mereka yang tinggal di kawasan bandar sebelum berkahwin. Ini sejajar dengan pertumbuhan kadar urbanisasi di Malaysia daripada 70.9 peratus (2010) kepada 76.2 (2019) dan penyertaan wanita dalam tenaga buruh. Peratusan pekerja wanita meningkat daripada 74.3 peratus (2019) kepada 78.1 peratus (2020) manakala lelaki meningkat daripada 74.5 peratus kepada 76.7 peratus dalam tempoh yang sama. Sebaliknya, wanita dan lelaki yang bekerja sendiri dan pekerja keluarga tanpa gaji merekodkan penurunan pada 2020 berbanding tahun sebelumnya.


Selain itu, kadar kesuburan jumlah Malaysia telah berada di bawah paras penggantian (2.1 anak) iaitu 1.7 anak bagi setiap perempuan berumur 15-49 tahun pada 2019. TFR merupakan indikator demografi yang digunakan untuk menganggarkan purata bilangan anak yang perlu dilahirkan oleh seorang perempuan selama tempoh reproduktifnya (15-49 tahun). Ini menunjukkan bahawa purata bilangan bayi yang dilahirkan oleh seorang perempuan sepanjang tempoh kesuburannya tidak mencukupi untuk menggantikan dirinya dan pasangannya. Penurunan ini selari dengan negara maju yang lain seperti Australia (1.7 anak), United Kingdom (1.7 anak), Japan (1.4 anak) dan Singapore (1.1 anak).

Ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada seluruh Penduduk Malaysia termasuk bukan warganegara yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020. Bagi mereka yang masih belum berkesempatan mengisi borang soal selidik bancian, sila hubungi DOSM ditalian 1-800-88-7720 untuk maklumat lanjut. Aktiviti Semakan Kualiti (QC) dan Survei Penilaian Liputan Banci (SPLB) bagi Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) sedang dilaksanakan sepanjang November dan Disember 2021. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam aktiviti yang dijalankan Banci Malaysia 2020 kerana "Data Anda Masa Depan Kita". Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di www.mycensus.gov.my atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.


Nota:

- i. Kadar perkahwinan am merujuk kepada bilangan perkahwinan lelaki bagi setiap seribu penduduk lelaki berumur 18 tahun dan lebih atau perempuan berumur 16 tahun dan lebih yang belum berkahwin.
- ii. Kadar perceraian am merujuk kepada bilangan perceraian lelaki bagi setiap seribu penduduk lelaki berumur 18 tahun dan lebih atau perempuan berumur 16 tahun dan lebih yang berkahwin.


Carta 1: Bilangan perkahwinan mengikut bulan, Malaysia, 2019 dan 2020




Carta 2: Bilangan perkahwinan dan Kadar Perkahwinan Kasar (CMR), Malaysia, 2016-2020




Carta 3 (a): Bilangan perceraian, Malaysia, 2016-2020




Carta 3 (b): Kadar Perceraian Kasar (CDR), Malaysia, 2016-2020



Carta 4: Umur purata perkahwinan perempuan dan umur purata ibu pada kelahiran hidup pertama, Malaysia, 2016-2020



Carta 5: Kadar Kesuburan Jumlah, Malaysia, 1991-2020



Jadual 1 (a): Bilangan perkahwinan dan Kadar Perkahwinan Kasar (CMR) mengikut negara terpilih, 2020 dan 2021

Negara	2019		2020	
	Bilangan perkahwinan	CMR	Bilangan perkahwinan	CMR
Malaysia	203,661	6.3	184,589	5.7
Australia	113,815	4.5	78,989	3.1
Singapore	25,434	5.9	22,651	5.2
Japan	598,965	4.8	525,490	4.3
Kuwait	13,886	5.1	13,071	4.7
Palestine	44,320	8.9	41,221	8.1
Turkey	542,314	6.6	487,270	5.8

Nota: Kadar adalah setiap 1,000 penduduk

Sumber: *National Statistical Offices*

Jadual 1 (b): Bilangan perceraian dan Kadar Perceraian Kasar (CDR) mengikut negara terpilih, 2020 dan 2021

Negara	2019		2020	
	Bilangan perceraian	CDR	Bilangan perceraian	CDR
Malaysia	56,624	1.7	45,754	1.4
Singapore	7,623	1.9	6,959	1.7
Japan	208,489	1.7	193,251	1.6
Kuwait	7,888	2.9	5,932	2.2
Palestine	8,551	1.7	8,006	1.6
Turkey	156,587	1.9	135,022	1.6

Nota: Kadar adalah setiap 1,000 penduduk

Sumber: *National Statistical Offices*

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

3 Disember 2021

Embargo: Only can be published or disseminated at 1200 hour, Friday, December, 3rd 2021



MEDIA STATEMENT

FOR MARRIAGE AND DIVORCE STATISTICS, MALAYSIA, 2021

THE NUMBER OF MARRIAGES CONTINUE TO DECREASE AND WOMEN GOT MARRIED AT A YOUNGER AGE IN 2020

PUTRAJAYA, 3 DECEMBER, 2021 - Department of Statistics, Malaysia has released the report on **Marriage and Divorce Statistics, Malaysia, 2021** which presents the statistics on marriage and divorce for 2019 & 2020 by demographic characteristics at national, state and administrative district. Statistics on marriage and divorce are an important input used for the formulation of social policies to strengthen the family institutions in Malaysia. It is also a useful source of reference for researchers and academia.

Commenting on the report, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia said, "The number of marriages was 184,589 in 2020, a decrease of 9.4 per cent as compared to 203,661 in 2019. The median age for brides decreased from 27.0 years (2019) to 26.0 years (2020). Meanwhile, the median age of grooms remained at 28.0 years. The decrease in the number of marriages was contributed by a 1.8 per cent decline in the number of Muslim marriages in 2020 (145,202) as compared to 2019 (147,847). Three states recorded the highest decline of Muslim marriages were Sabah (-19.3%) followed by W.P. Labuan (-14.3%) and Selangor (-5.9%). On the other hand, three states recorded an increase in marriages were W.P. Putrajaya (14.0%) followed

by Perlis (12.4%) and Kedah (8.4%). The number of Non-Muslim marriages declined at faster rate of 29.4 per cent from 55,814 (2019) to 39,387 (2020). Three states recorded the highest decline of Non-Muslim marriages were Johor (-38.4%), Sabah (-36.9%) and Pahang (-36.3%).

This report also shows that overall general marriage rate for grooms declined from 50.1 to 45.6 per thousand population of unmarried males aged 18 years and over. A similar trend was also recorded for brides, which declined from 46.2 to 41.7 per thousand population of unmarried females aged 16 years and over. In tandem with the decline in the overall number of marriages, general marriage rate for Muslim grooms also dropped from 60.3 to 59.6 per thousand population of unmarried Muslim males aged 18 years and over. A similar trend was also recorded for Muslim brides, which declined from 54.9 to 53.8 per thousand population of unmarried Muslim females aged 16 years and over. For Non-Muslim, general marriage rate for Non-Muslim grooms declined from 34.5 to 24.5 per thousand population of unmarried Non-Muslim males aged 18 years and over. Similarly, general marriage rate for Non-Muslim brides declined from 32.4 to 22.8 per thousand population of unmarried Non-Muslim females aged 16 years and over. The declining trend of marriage rate in Malaysia is in tandem with other countries such as Australia, Singapore, Japan, Kuwait, Palestine and Turkey.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also said, "Almost eight per cent of total marriages in 2020 were between grooms and brides of different ethnic groups. However, the number of inter-ethnic marriages decreased 35.6 per cent from 22,103 (2019) to 14,231. The inter-ethnic marriages among Muslim was 71.2 per cent and 28.8 per cent for Non-Muslim.

He added that the highest number of marriages falls under the age group 25-29 years for both grooms and brides. The statistics also showed that the oldest groom and bride were 92 and 84 years old in 2020. On the other hand, 0.4 per cent males aged 65 years and over married younger females aged 24 years and below, while 0.4 per cent females aged 65 years and over married younger males 24 years old and below".

Petaling district recorded the highest number of marriages in 2020 for both Muslim and Non-Muslim. The number of Muslim marriages for Petaling was 6,515 followed by Johor Bahru (6,215) and Ulu Langat (4,750). Similarly, for Non-Muslim, the district of Petaling recorded 2,831 followed by Johor Bahru (2,233) and Klang (1,801).

The COVID-19 pandemic and the implementation of Movement Control Order (MCO) by the Government have had an impact on marriage statistics in Malaysia. During the MCO, the permission procedure to solemnise marriages is subject to the terms set by the State Islamic Religious Department (JAIN) and the National Registration Department (NRD). Statistics showed that during the implementation of the MCO, the number of marriages dropped significantly by 88.0 per cent in April 2020 from 14,056 (2019) to 1,694 (April, 2020). There was no solemnisation activities reported during the first extension of the implementation of the MCO by the Government in March until May 2020. However, after the MCO was lifted, the procedures for marriages was eased in stages during the Conditional Movement Control Order (CMCO) and the Recovery Movement Control Order (RMCO).

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also said "The number of divorces decreased 19.2 per cent from 56,624 (2019) to 45,754 (2020). The decrease was contributed by the number of Muslim divorces which declined by 16.8 per cent in 2020 (37,853) as compared to 2019 (45,502). Three states recorded the highest decline of Muslim divorces were Sabah (-38.9%) followed by W.P. Putrajaya (-31.3%) and W.P. Kuala Lumpur (-24.5%). Similarly, Non-Muslim divorces decreased 29.0 per cent from 11,122 (2019) to 7,901 (2020). Three states recorded the highest decline of Non-Muslim divorces were W.P. Labuan (-71.4%) followed by Kedah (-42.6%) and Melaka (-42.3%). The highest number of divorces falls under the age group 30-34 years for both grooms and brides.

In tandem with the decline in the number of divorces, the general divorce rate for males decreased from 7.2 to 5.8 per thousand population of married males aged 18 years and over. A similar trend was also reported for females, decreased from 7.7 to 6.1 per thousand population of married females aged 16 years and over. The general divorce rate for Muslim males decreased from 10.0 to 8.3 per thousand population of married Muslim males aged 18 years and over. A similar trend was also observed for Muslim

females which decreased from 10.5 to 8.7 per thousand population of married Muslim females aged 16 years and over. The general divorce rate for Non-Muslim males decreased from 3.3 to 2.3 per thousand of married Non-Muslim males aged 18 years and over. The general divorce rate for Non-Muslim females decreased from 3.6 to 2.6 per thousand of married Non-Muslim females aged 16 years and over. The trend of declining divorce in Malaysia is in tandem with other countries such as Singapore, Japan, Kuwait, Palestine and Turkey.

This report also presents the article on scenario for late marriages in Malaysia based on the Population Census data. Presently, people start to get married in their late 20s as compared to their early 20s in the 1980s. Based on the Population Censuses of 1980, 2000 and 2010 findings, the mean age at first marriage for women has increased from 19.4 to 25.1 years and then to 25.8 years in 2010. The mean age of brides increased from 27.5 years (2016) to 28.1 years in 2020. According to the National Population and Family Development Board (LPPKN, 2018), postponing marriage will shorten the reproductive period and cause fertility rates to decline. Decreased fertility is closely linked to the rising cost of living and the challenges young parents face, thus making them to postpone the desire to end their bachelorhood. The increase in the mean age of brides is also attributed to the average age of mothers at first live birth that increased slightly to 28.0 years as compared to 27.9 years in 2019.

The current scenario shows that the tendency for late marriages is among the educated and working population. They tend to strengthen their financial positions, particularly those living in urban areas prior to getting married. This is in line with the increase in urbanisation rate in Malaysia from 70.9 per cent (2010) to 76.2 per cent (2019) and women's participation in the labour force. The proportion for women employee increased from 74.3 per cent (2019) to 78.1 per cent (2020) while men rose from 74.5 per cent to 76.7 per cent during the same period. On the contrary, women and men as own account worker and unpaid family worker dropped in 2020 as compared to the previous year.

In addition, Malaysia's Total Fertility Rate (TFR) is now below the replacement level (2.1 children) with 1.7 children per woman aged 15-49 years in 2020. The TFR is a standard demographic indicator used to estimate the average of children a woman would have over her childbearing years (i.e. age 15-49 years). This indicates that the average number of babies born per woman throughout her reproductive life has been insufficient to replace herself and her partner. The decline was in line with other developed countries such as Australia (1.7 children), the United Kingdom (1.7 children), Japan (1.4 children) and Singapore (1.1 children).

Our sincere thanks and highest appreciation to all Malaysians, including non-citizens, who have given their full support and cooperation in making the Malaysia Census 2020 a success. For those who have not yet had the opportunity to fill out the census questionnaire, please contact DOSM at 1-800-88 -7720 for further information. The activities of Quality Check (QC) and Post Enumeration Survey (PES) for Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) is ongoing in November and December 2021. All Malaysian residents are urged to cooperate the said activities of Malaysia Census 2020 because "Your Data is Our Future". Please visit the Malaysia Census 2020 portal at www.mycensus.gov.my or social media @MyCensus2020 for more info.

Notes:

- i. General Marriage Rate refers to the number of male marriages per thousand population of unmarried males aged 18 years and over or female aged 16 years and over.*
- ii. General Divorce Rate refers to the number of male divorces per thousand population of married males aged 18 years and over or female aged 16 years and over.*

Chart 1: Number of marriages by month, Malaysia, 2019 and 2020




Chart 2: Number of marriages and Crude Marriage Rate (CMR), Malaysia, 2016-2020




Chart 3 (a): Number of divorces, Malaysia, 2016-2020




Chart 3 (b): Crude Divorce Rate (CDR), Malaysia, 2016-2020




Chart 4: Mean age at marriage of females and mean age of mother at first live birth, Malaysia, 2016-2020




Chart 5: Total Fertility Rate, Malaysia, 1991-2020




Table 1 (a): Number of marriages and Crude Marriage Rate (CMR) for selected country, 2020 and 2021

Country	2019		2020	
	Number of marriages	CMR	Number of marriages	CMR
Malaysia	203,661	6.3	184,589	5.7
Australia	113,815	4.5	78,989	3.1
Singapore	25,434	5.9	22,651	5.2
Japan	598,965	4.8	525,490	4.3
Kuwait	13,886	5.1	13,071	4.7
Palestine	44,320	8.9	41,221	8.1
Turkey	542,314	6.6	487,270	5.8

Note: The rates are per 1,000 population

Source: National Statistical Offices

Table 1 (b): Number of divorces and Crude Divorce Rate (CDR) for selected country, 2020 and 2021

Country	2019		2020	
	Number of divorce	CDR	Number of divorce	CDR
Malaysia	56,624	1.7	45,754	1.4
Singapore	7,623	1.9	6,959	1.7
Japan	208,489	1.7	193,251	1.6
Kuwait	7,888	2.9	5,932	2.2
Palestine	8,551	1.7	8,006	1.6
Turkey	156,587	1.9	135,022	1.6

Note: The rates are per 1,000 population

Source: National Statistical Offices

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA**

3rd December 2021